



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
NO. 46, JALAN PERTAMA
PUSAT PERDAGANGAN DANGA UTAMA
81300 JOHOR BAHRU, JOHOR

Telefon: 07-5500522

(Hunting Line)

Fax : 07-5500971

Ruj. Tuan : MBBJ/U/2016/55/AM/12 ()
Ruj. Kami : JAS.JHQ.600-2/24/2/1 JLD 25 (4)
Tarikh : 10 Disember 2024

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru
Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam
Bukit Senyum
80300 JOHOR BAHRU

YBhg. Dato',

PERMOHONAN ULASAN / SOKONGAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN OLEH SAUJANA F&B MARKETING SDN. BHD. DI ALAMAT NO. 20, JALAN EKO PERNIAGAAN 1/20, JALAN EKO PERNIAGAAN, 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR DARUL TA'ZIM

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, aktiviti yang dicadangkan adalah aktiviti industri dan tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Walau bagaimanapun, aktiviti ini bukan aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

3. Jabatan ini menyarankan agar pemohon mematuhi perkara-perkara berikut :-

- i) Kelulusan permohonan ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru. Jabatan Alam Sekitar boleh menarik atau mengenakan ulasan tambahan di peringkat operasi premis jika didapati perlu;
- ii) Aktiviti yang dibenarkan beroperasi di premis tersebut adalah aktiviti **kilang makanan dan minuman (pembuatan adunan roti canai)** daripada bahan mentah siap sedia sahaja. Sebarang aktiviti selain daripada yang dinyatakan di atas adalah **tidak** dibenarkan sama sekali;
- iii) Aktiviti kilang hendaklah dijalankan dalam kawasan tertutup sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang berpotensi menghasilkan pencemaran bau, udara dan bunyi bising hendaklah dijalankan dalam kawasan bertutup dan dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran dan memastikan sistem tersebut sentiasa berfungsi dengan baik sepanjang tempoh premis beroperasi;

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"
"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



PENGKERTIFIKATAN MS ISO 9001:2015
NO. SIJIL : QMS 03475

JAS.JHQ.600-2/24/2/1 JLD 25 (4)

16 Disember 2024

- iv) Aktiviti yang dibenarkan beroperasi di tapak tersebut hendaklah aktiviti kering yang tidak melibatkan sebarang penjaan efluen perindustrian;
- v) Pemasangan cerobong, peralatan pembakaran bahan api seperti jana kuasa dan alat kawalan pencemaran udara hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan ini terlebih dahulu melalui pemberitahuan bertulis (notifikasi) sepertimana Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014;
- vi) Segala buangan terjadual yang dihasilkan hendaklah dikendalikan mengikut kehendak-kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- vii) Sebarang pelepasan kumbahan hendaklah mematuhi had-had pelepasan, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Pemohon adalah dikehendaki mengemukakan pemberitahuan bertulis (notifikasi) sebagaimana Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
- viii) Pembakaran terbuka ke atas sisa buangan kilang di dalam dan di luar premis adalah dilarang sama sekali seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan
- ix) Paras bunyi bising hendaklah dikawal supaya tidak melebihi paras sepertimana yang ditetapkan dalam garispanduan "*Guidelines for Environmental Noise Limits and Control*" terbitan Jabatan Alam Sekitar.

4. Sehubungan dengan ini, surat Jabatan ini dengan no.rujukan : JAS.JHQ.600-2/24/2/1 JLD 25 (8) bertarikh 5 Disember 2024 adalah terbatal.

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' dalam mempertingkatkan kualiti alam sekitar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(BADLISHAH BIN AHMAD)

b.p. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor

JAS.JHQ.600-2/24/2/1 JLD 25 (4)

10 Disember 2024

s.k.:



i. Saujana F&B Marketing Sdn. Bhd.
No. 20, Jalan Eko Perniagaan 1/20
Jalan Eko Perniagaan
81100 JOHOR BAHRU

ii. Fail Timbul